

Peniaga tamak kena denda RM308,500

KPDNHEP beri amaran kepada penjual naikkan harga barangan pada musim perayaan

Oleh NORAFIDAH ASSAN

KUALA PILAH


Sebanyak RM308,500 kompaun dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SH-MMP) Hari Raya Puasa, Pesta Kamatan dan Hari Gawai 2020 yang berakhir Rabu lalu.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, jumlah tersebut meliputi 147 kes termasuk empat daripadanya pemborong kerana kesalahan menjual barangan kawalan melebihi harga yang ditetapkan.

"Ada satu kes baharu di Kuala Lumpur melibatkan pemborong ayam yang menjual lebih daripada harga maksimum borong yang ditetapkan dan telah dikompaun RM50,000.

"Kita mengambil tindakan tegas kali ini dengan menaikkan kadar kompaun," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan harga barang kawalan di Pasar Kuala Pilah dan pasar raya Giant di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Penguatkuasaan (Pengurusan) KPDNHEP, Azman Adam dan Pengarah



Iskandar Halim (dua dari kanan) ketika membuat tinjauan di Pasar Kuala Pilah semalam.

KPDNHEP Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman.

Beliau berkata, jumlah kompaun kali ini juga menyaksikan peningkatan berbanding skim sama pada tahun lalu iaitu yang mencatatkan kompaun RM46,550 membabitkan 362 kes.

"Ini kerana nilai kompaun yang dikenakan kali ini telah meningkat iaitu minimum RM1,000 berbanding RM100 ke RM200 bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga.

"Kompaun RM2,500 hingga RM5,000 untuk kesalahan menjual melebihi harga siling bagi peruncit berbanding RM250 sebelum ini manakala bagi pemborong, kompaun maksimum ialah RM50,000 berbanding RM5,000 sebelumnya," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, peningkatan jumlah kompaun itu bertujuan memberi amaran kepada pe-

niaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang.

Beliau turut menegaskan tindakan ke atas peniaga bukanlah matlamat utama kementerian, sebaliknya tindakan hanya diambil kepada peniaga yang melakukan kesalahan.

Sementara itu, beliau berkata, tinjauan selepas berakhirnya SHMMP di seluruh negara mendapati berlaku kenaikan harga ayam sehingga RM8.50 sekilogram berbanding RM7.50 ketika skim berkenaan berkuat kuasa.

"Kita akan siasat kenapa berlaku peningkatan mendadak ini. Contohnya hari ini (semalam), saya dapati ada pemborong naikkan harga ayam 50 sen kepada RM6.20 atau RM6.70 sekilogram dan itu menyebabkan peruncit terpaksa menjualnya lebih RM8 sekilogram," katanya.